

Syarat-syarat Rujukan bagi Laporan Penilaian Strategik Pulau Christmas

Pada 14 Februari 2019 yang lepas, Menteri Muda Pembangunan Regional Dan Wilayah memeterai sebuah perjanjian dengan Menteri Alam Sekitar untuk menjalankan Penilaian Strategik Pulau Christmas selaras dengan seksyen 146 *Akta Perlindungan Alam Sekitar Dan Pemuliharaan Biokepelbagaian 1999* (Akta EPBC).

Perjanjian ini menghendaki Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya menyediakan dokumen-dokumen yang berikut untuk dinilai oleh Menteri Alam Sekitar:

- Dasar, Rancangan atau Program Penilaian Strategik Pulau Christmas (Rancangan) Rancangan ini bertujuan menyediakan peluang pembangunan yang berlanjutan bagi Pulau Christmas di tanah yang terletak di luar Taman Negara Pulau Christmas selaras dengan undang-undang alam sekitar kebangsaan. Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya akan menubuhkan sebuah kumpulan rujukan yang dianggotai wakil daripada kerajaan tempatan, kumpulan alam sekitar, perniagaan dan komuniti, untuk dimaklumkan mengenai perkembangan Rancangan.
- Laporan Penilaian Strategik Pulau Christmas (Laporan) Laporan ini bertujuan menilai bagaimana Rancangan ini melindungi persekitaran Pulau Christmas dan bagaimana kesan pembangunan yang dicadangkan dalam Rancangan ini dapat dielakkan, dikurangkan dan diimbangkan (jika perlu) untuk menjamin perlindungan jangka panjang persekitaran Pulau Christmas.

Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya juga akan menyediakan Laporan Tambahan, jika perlu, berikutan tempoh perundingan dengan orang ramai. Laporan ini akan memuatkan ringkasan semua komen yang diterima daripada orang ramai, serta tindakan yang diambil disebabkan komen-komen ini.

Syarat-syarat Rujukan ini menyatakan maklumat yang mesti dimasukkan ke dalam Laporan.

1. TUJUAN LAPORAN PENILAIAN STRATEGIK

- 1.1. Laporan ini bertujuan menilai kesan tindakan yang dicadangkan di bawah Penilaian Strategik Pulau Christmas (Rancangan) terhadap semua hal yang terlindung oleh Bahagian 3 ('hal-hal terlindung') Akta EPBC.
- 1.2. Laporan akan membolehkan Menteri Alam Sekitar menilai sama ada Rancangan ini mampu menjamin perlindungan jangka panjang hal-hal terlindung di Pulau Christmas.
- 1.3. Laporan akan memastikan bahawa pembangunan yang dilakukan di bawah Rancangan ini tidak akan menjejaskan nilai atau ciri ekologi komponen darat dan laut Taman Negara Pulau Christmas. Pembangunan di Taman Negara Pulau Christmas tidak akan diberi peruntukan dalam Penilaian Strategik ini dan akan terus tertakluk kepada keperluan Akta EPBC dan Rancangan Pengurusan Taman Negara Pulau Christmas (2014-2024).
- 1.4. Laporan mesti menerangkan keberkaitan Rancangan dengan keperluan perundangan lain yang berkenaan.
- 1.5. Penilaian strategik ini tidak akan menjejaskan kelulusan yang telah diberikan menurut Akta EPBC¹ atau kelulusan yang dibuat di bawah undang-undang Australia Barat yang digunakan.

2. KETERANGAN MENGENAI RANCANGAN

- 2.1. Laporan mesti menerangkan Rancangan yang berkait dengan perjanjian penilaian:

¹ Maklumat selanjutnya tentang cara menilai setiap projek yang dirujuk di bawah Akta EPBC yang juga diliputi oleh penilaian strategik di bawah Bahagian 10, diperuntukkan dalam Penilaian Strategik ini. *Pernyataan Dasar bagi Rujukan Akta EPBC* di: www.environment.gov.au/epbc/publications/epbc-act-referrals-policy.

1. Laporan mesti menyediakan ringkasan yang menyatakan tujuan Rancangan secara keseluruhan, unsur-unsur penting, kawasan yang terlibat dan rangka kawasan-kawasan yang terlibat dan rangka masanya, termasuk tempoh kuat kuasa Rancangan.
2. Laporan mesti memberikan butir-butir tentang unsur-unsur penting Rancangan, termasuklah:
 - a. Komitmen dan pencapaian yang dikehendaki dari segi pemuliharaan bagi hal-hal terlindung.
 - b. Tindakan yang kemungkinannya akan diambil di bawah Rancangan ini pada jangka pendek, sederhana panjang dan panjang.
 - c. Rangka kerja perundangan dan pentadbiran yang akan dilaksanakan untuk memastikan Rancangan diikuti, serta orang dan pihak berkuasa yang bertanggungjawab melaksanakan (termasuk aturan pembiayaan) Rancangan dan memastikan pematuhannya.
3. Laporan mesti menerangkan keperluan dan alasan Rancangan ini, termasuk pendorong pembangunannya dari segi alam sekitar, ekonomi dan masyarakat.
4. Laporan mesti menerangkan rangka kerja kaedah membuat keputusan yang digunakan apabila mempertimbangkan setiap pilihan alternatif dan menghasilkan hasil pemuliharaan dalam Rancangan ini. Laporan hendaklah menyatakan pilihan-pilihan alternatif yang dinilai untuk mendapatkan Rancangan yang muktamad, dan sebabnya pilihan-pilihan yang lain itu tidak disokong.
5. Laporan mesti menerangkan bagaimana prinsip-prinsip pembangunan yang boleh dilanjutkan dari segi ekologi (seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3A Akta EPBC) dipertimbangkan dan disyorkan semasa menyusun Rancangan.

3. KETERANGAN TENTANG HAL-HAL TERLINDUNG YANG TERJEJAS OLEH RANCANGAN

- 3.1. Laporan mesti menerangkan sifat-sifat persekitaran di kawasan penilaian strategik yang mungkin terjejas oleh tindakan yang dicadangkan di bawah Rancangan. Ini mesti merangkumi (sekurang-kurangnya):
 1. Keterangan dan peta penggunaan tanah sekarang dan dahulu.
 2. Tumbuh-tumbuhan di kawasan penilaian strategik serta mutunya.
 3. Peta komuniti ekologi dan maklumat tentang habitat bagi hal-hal terlindung.
 4. Sifat-sifat persekitaran, termasuk keadaan sumber asli dan fizikal, proses ekologi dan proses yang mengancam.
 5. Keterangan tentang pandangan darat termasuk hal-hal persekitaran penting, seperti habitat-habitat yang bersambung, habitat yang berpecah-pecah, dan proses-proses ekologi yang diketahui.
 6. Peta kawasan yang sudah dilindungi untuk tujuan persekitaran.
 7. Keterangan nilai-nilai warisan kawasan penilaian strategik dan pengenalpastian kawasan-kawasan warisan yang sensitif.
- 3.2. Laporan mesti mengenal pasti dan menerangkan setiap hal terlindung yang mungkin terjejas secara langsung, secara tidak langsung dan secara kumulatif oleh tindakan yang dicadangkan di bawah Rancangan, termasuk (sekurang-kurangnya):
 1. Huraian dan maklumat tentang kawasan, yang menyatakan tapak dan habitat penting bagi hal-hal terlindung.
 2. Populasi penting hal-hal terlindung dan lokasinya, jika diketahui.
 3. Perkara-perkara yang mungkin penting untuk memelihara proses-proses ekologi bagi hal-hal terlindung.
 4. Keadaan hal-hal terlindung, termasuk maklumat tentang populasi, serta trend dahulu, sekarang dan unjuran, dan kemungkinan trend-trend ini berubah selepas beberapa lama.

5. Proses-proses penting yang mengancam.
6. Kedudukan dan nilai penyenaian.
7. Jurang maklumat, yang menyatakan keperluan melakukan kajian selanjutnya dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk merapatkan jurang maklumat.

4. PENILAIAN KESAN RANCANGAN TERHADAP HAL-HAL TERLINDUNG

- 4.1. Laporan mesti menerangkan dan menilai kesan yang mungkin ditinggalkan secara langsung, secara tidak langsung dan secara kumulatif oleh tindakan yang dicadangkan di bawah Rancangan bagi hal-hal terlindung.
- 4.2. Laporan mesti menerangkan kaedah yang digunakan untuk memahami kesan yang mungkin ada terhadap hal-hal terlindung oleh tindakan yang dicadangkan di bawah Rancangan. Tahap penilaian akan disesuaikan mengikut tahap risiko terhadap setiap hal yang terlindung. Kaedah itu mestilah:
 1. Sesuai dinilai pada peringkat strategik.
 2. Menggunakan maklumat sebaik-baiknya yang ada.
 3. Membincangkan ketidakpastian, termasuk rujukan kepada data dan maklumat yang digunakan.
- 4.3. Laporan mesti menerangkan dan menilai kesan yang mungkin ditinggalkan oleh tindakan yang dicadangkan di bawah Rancangan terhadap persekitaran di tanah Komanwel (menurut definisinya dalam seksyen 528 Akta EPBC).
- 4.4. Laporan mesti mengandungi analisis tentang:
 1. Bagaimana kesan terhadap hal-hal terlindung akan dielakkan.
 2. Berapa lama, setakat mana dan seteruk mana kesannya.
 3. Langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkannya serta keberkesanan langkah-langkah ini mengurangkan kesan terhadap persekitaran.
 4. Bagaimana kesan yang tidak dapat dielakkan akan diimbangkan selaras dengan *Akta Perlindungan Alam Sekitar Dan Pemuliharaan Biokepelbagaian 1999 dan Dasar Pengimbangan Alam Sekitar 2012*.
 5. Aturan pembiayaan dan rangka masa yang dicadangkan untuk memenuhi keperluan langkah mengurangkan dan mengimbangi kesannya.
- 4.5. Laporan mesti mengandungi analisis tentang manfaat pemuliharaan (kesan yang bermanfaat) Rancangan, termasuk:
 1. Bagaimana hal-hal terlindung akan dilindungi dan diuruskan di Kawasan Penilaian Strategik.
 2. Kecukupan dan keberkesanan langkah pemuliharaan di bawah Rancangan ini bagi melindungi dan menguruskan hal-hal terlindung, termasuk keberkesanan langkah-langkah pelaksanaannya.
 3. Bukti yang dapat menyokong kesimpulan berkenaan dengan keberkesanan langkah-langkah pemuliharaan dan komitmen yang dikenal pasti dalam Rancangan.
- 4.6. Laporan mesti memperincikan bagaimana penyesuaian dengan senario perubahan iklim yang munasabah dipertimbangkan dan kesannya terhadap hal-hal terlindung.
- 4.7. Laporan mesti mempertimbangkan setakat mana kesan terhadap hal-hal terlindung oleh tindakan yang dicadangkan di bawah Rancangan selaras dengan Akta EPBC, dan merangkumi tetapi tidak terbatas kepada:
 1. Keselarasannya dengan kewajipan antarabangsa Australia, termasuklah Konvensyen Ramsar, dan Konvensyen Spesies Berhijrah (seksyen 146L Akta EPBC).
 2. Keselarasannya dengan rancangan pemulihan (seksyen 146K Akta EPBC) dan Rancangan Pengurusan Taman Negara Pulau Christmas (2014-2024).

3. Pertimbangan objektif, tindakan pemuliharaan dan maklumat lain yang berkenaan pada makluman pemuliharaan (seksyen 146K Akta EPBC) serta rancangan penghentian ancaman.
Laporan juga boleh mempertimbangkan dasar atau garis panduan Komanwel lain yang berkenaan.

- 4.8. Laporan mesti mengandungi alasan menggunakan kaedah-kaedah penting dalam penilaian tersebut.
- 4.9. Laporan mesti membincangkan kesan sosial dan ekonomi Rancangan, dengan mengambil kira prinsip-prinsip pembangunan yang lestari dari segi ekologi.

5. PENILAIAN HASIL RANCANGAN SECARA KESELURUHAN

- 5.1. Laporan mesti menilai komitmen pemuliharaan dan kesannya terhadap persekitaran secara keseluruhan bagi hal-hal terlindung, dengan mengambil kira kesan yang mungkin ditinggalkan terhadap hal-hal terlindung oleh tindakan yang dicadangkan di bawah Rancangan.
- 5.2. Penilaian mesti merangkumi:
 1. Setakat mana hal-hal terlindung diwakili di kawasan penilaian strategik.
 2. Setakat mana kawasan yang dilindungi atau diuruskan di bawah Rancangan dapat menjamin perlindungan jangka panjang setiap hal yang terlindung, termasuklah pertimbangan tentang penambahan pada Taman Negara Pulau Christmas.
 3. Sama ada terdapat kesan serius yang tidak boleh dipulihkan terhadap mana-mana hal yang terlindung.
 4. Penilaian tentang bagaimana Rancangan menepati kriteria sokongan yang dinyatakan dalam Fasal 8 Perjanjian.
 5. Keberkesanan langkah pemuliharaan di bawah Rancangan ini bagi melindungi dan menguruskan hal-hal terlindung, serta risikonya dan ketidakpastian yang ada.
 6. Setakat mana langkah-langkah pemuliharaan di bawah Rancangan mengatasi kelemahan penting yang ada pada hal-hal terlindung dalam senario perubahan iklim yang munasabah.

6. MENGATASI KETIDAKPASTIAN DAN RISIKO

- 6.1. Laporan mesti mengenal pasti ketidakpastian dan risiko penting yang berkait dengan pelaksanaan Rancangan, tindakan mengatasinya dan langkah yang dicadangkan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah. Ketidakpastian penting boleh merangkumi:
 1. Jurang pengetahuan pada pemahaman saintifik dan cara menangani pengetahuan baharu.
 2. Andaian yang dibuat apabila menilai kesan dan manfaat yang mungkin ada.
 3. Bagaimana perubahan pada undang-undang, dasar, rancangan dan nasihat kerajaan Komanwel, Negeri dan Tempatan diambil kira apabila menguruskan kawasan yang terjejas oleh Rancangan.
 4. Keberkesanan atau kemampuan memastikan Rancangan dilaksanakan.

7. RANGKA KERJA JAMINAN DAN PELAKSANAAN

- 7.1. Laporan mesti mengandungi Rangka Kerja Jaminan Dan Pelaksanaan yang menerangkan dan menilai kecukupan program-program pemantauan amalan terbaik, laporan awam dan proses-proses audit bebas yang dicadangkan dalam Rancangan untuk:
 1. Memastikan komitmen pemuliharaan dan kesannya terhadap persekitaran bagi hal-hal terlindung dalam Rancangan didokumenkan, ditunaikan dan dibekalkan sumber secukupnya sepanjang hayat Rancangan.

2. Memastikan hasil pemantauan akan digunakan untuk memahami keberkesanan hasil pemuliharaan bagi hal-hal terlindung dan menambah baik pelaksanaan, khususnya melakukan penyesuaian jika hasil pemantauan menunjukkan bahawa tindakan pemuliharaan yang diambil tidak akan memberikan hasil pemuliharaan yang diramalkan atau jika terdapat risiko terhadap hal-hal terlindung.
 3. Memastikan maklumat baharu yang berkaitan dengan hal-hal terlindung, termasuk perubahan undang-undang, boleh dinilai dan diambil kira semasa melaksanakan Rancangan.
 4. Menyediakan mekanisme yang menjejaki orang yang mengharapkan kelulusan penilaian strategik dan memastikan para penyokongnya dimaklumkan tentang kewajipan mereka di bawah Rancangan yang disokong itu dan kelulusannya.
 5. Memastikan pematuhan Rancangan dipantau dan ketidakpatuhan ditangani.
 6. Menyediakan laporan jaminan setiap 5 tahun.
- 7.2. Laporan mesti mengenal pasti dan menganalisis keadaan dan prosedur yang mungkin menyebabkan pelaksanaan Rancangan yang dicadangkan itu dikaji semula atau diubahsuai, atau Rancangan dibatalkan.

8. SUMBER MAKLUMAT

- 8.1. Laporan mesti mengenal pasti sumber maklumat dan data yang digunakan, termasuklah setakat mana data itu boleh dipercayai dan terkini, sebagaimana yang diterangkan dalam Fasal 10 Perjanjian.
- 8.2. Laporan boleh mengandungi ringkasan proses kajian oleh pihak setara yang bebas dan jika disertakan, tempat yang menyediakan kajian itu untuk orang awam.